



JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

PANDUAN KELAYAKAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN JURUTERA DANDANG STIM

Kelayakan Pendaftaran

Kelayakan seseorang yang ingin mendaftar sebagai orang kompeten Jurutera Dandang Stim adalah berdasarkan kepada Seksyen 31C, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Berdasarkan peruntukkan ini, ditetapkan kelayakan untuk permohonan sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua & Satu adalah seperti berikut:

1.0 KELAYAKAN AM PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM GRED DUA (2) & GRED SATU (1)

- 1.1. Warganegara Malaysia;
- 1.2. Mempunyai pengalaman kerja dalam pengendalian dan penyelenggaraan dandang stim;
- 1.3. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya;
- 1.4. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan [borang pemeriksaan kesihatan](#) yang tersedia di sistem MyKKP;
- 1.5. Menghadiri kursus Jurutera Dandang Stim di [Penyedia Latihan Berdaftar](#) dengan JKKP;
- 1.6. Lulus peperiksaan di pusat peperiksaan yang diiktiraf JKKP setelah melengkapkan syarat kelayakan yang dinyatakan item (1.5); dan
- 1.7. Mengemukakan permohonan pendaftaran **selepas lulus peperiksaan Jurutera Dandang Stim.**

2.0 KELAYAKAN KHUSUS PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM GRED DUA (2)

- 2.1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA dan berdaftar sebagai *Graduated Engineer* dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan
- 2.2. Satu (1) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan).

ATAU

- 2.3 Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (selain Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA dan berdaftar sebagai *Graduated Engineer* dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan
- 2.4 Dua (2) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan).

3.0 KELAYAKAN KHUSUS PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM GRED SATU

- 3.1 Mempunyai **enam (6) bulan pengalaman** kerja sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2);
- 3.2 Mempunyai pengalaman kerja mengendalikan, menangani atau menjaga dandang stim yang mempunyai permukaan pemanasan, atau jumlah keseluruhan permukaan pemanasan bagi dandang-dandang stim yang disambungkan kepada suatu julat yang sama, adalah lebih daripada **dua ratus (200) meter persegi**; dan
- 3.3 Mendapatkan pengesahan dari majikan atau Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1) bagi item (3.1) & (3.2).

Kelayakan Pembaharuan

Kelayakan seseorang yang ingin memperbaharui kekompetenan sebagai Jurutera Dandang Stim adalah berdasarkan kepada Seksyen 31E (1) Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Berdasarkan peruntukkan ini, ditetapkan kelayakan untuk permohonan pembaharuan sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua & Satu adalah seperti berikut:

4.0 KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN JURUTERA DANDANG STIM

- 4.1 Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - 4.1.1 Masih aktif menjalankan kerja sebagai Jurutera Dandang Stim dan disahkan oleh majikan;
 - 4.1.2 Mempunyai enam puluh (60) mata CEP dalam tempoh tiga (3) tahun dengan:
 - a. Tiga puluh (30) mata CEP termasuk latihan spesifik dalam bidang Dandang Stim yang berkaitan kompetensi seperti :
 - i. Perundangan dan piawaian dandang stim;
 - ii. Operasi, pemeriksaan dan penyelenggaraan dandang stim;
 - iii. Kegagalan dan pembaikan dandang stim; atau
 - iv. Teknologi berkaitan dandang stim; dan
 - b. Tiga puluh (30) mata CEP bidang KKP.
 - 4.1.3 Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan [borang pemeriksaan kesihatan](#) yang tersedia di sistem MyKKP;
 - 4.1.4 Tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
 - 4.1.5 Tidak memperolehi pendaftaran atau pembaharuan melalui salah nyataan atau fraud.

- 4.2 Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, Jurutera Dandang Stim hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.
- 4.3 Bagi pemohon yang telah tamat tempoh melebihi tiga (3) tahun, pemohon hendaklah mematuhi syarat kelayakan seperti di fasa (4.1) dan perlu melalui satu sesi penilaian oleh Jabatan. Pemohon juga hendaklah mempunyai majikan yang terkini sekurang-kurangnya telah berhidmat selama tiga (3) bulan dari tarikh permohonan.

5.0 KAEDAH PERMOHONAN PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN JURUTERA DANDANG STIM

Berkuatkuasa 1 Jun 2024, semua permohonan bagi pendaftaran & pembaharuan Jurutera Dandang Stim adalah melalui perkhidmatan sistem MYSKUD yang boleh dilayari di Single-Sign-On (SSO) Sistem MyKKP (<http://mykkp.dosh.gov.my/>). Sebarang permohonan secara manual tidak akan diproses.